

MAJU INSAF TANI ENTERPRISE

ETR 300

DIPLOMA IN PLANTING INDUSTRY MANAGEMENT

DI SEDIAKAN OLEH

MOHD APANDI AINI

NOOR IZRAN MAHAMAD

MOHD SHARIF KASIM

MUHD FAIRUZ MOHD NADZIR

DISEDIAKAN UNTUK

EN ABD. RASHID SAID ASGHAR

ETR 300

ISI KANDUNGAN

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	MUKA SURAT
1.	SEKAPUR SIREH	1
2.	PENGHARGAAN	3
3.	SURAT PENYERAHAN	4
4.	SURAT PERJANJIAN	6
5.	LOGO DAN PENERANGAN LOGO	10
6.	PENGENALAN	12
7.	TUJUAN	15
8.	LATARBELAKANG PERNIAGAAN	16
9.	RANCANGAN PENTADBIRAN	23
10.	RANCANGAN PEMASARAN	36
11.	RANCANGAN OPERASI	50
12.	RANCANGAN KEWANGAN	77
13.	RUMUSAN	100

PENGENALAN

Kumpulan kami telah memilih untuk menjalankan perniagaan yang berasaskan pertanian iaitu tanaman sayuran berdasarkan bahan organik. Perniagaan ini dikenalpasti berupaya memberikan keuntungan yang memuaskan disamping memberikan alternatif baru tanaman bahan makanan kepada pengguna. Modal permulaan yang dibelanjakan adalah RM270,000.00 untuk membayai projek ini. Jika dilihat dari situasi sekarang ini, Tidak ramai usahawan bumiputera yang menceburi bidang ini, dengan ini kami akan cuba sedaya upaya untuk berkecimpung dalam bidang tanaman organik ini.

Lokasi

Lokasi perniagaan kami adalah di KM 4.5, Jalan Sri Kembangan-Puchong, Selangor Darul Ehsan. Terletak di kawasan pinggir Lembah Klang yang sedang pesat membangun. Dengan keluasan tapak seluas 7 hektar ia merupakan kawasan yang amat strategik dari segi kemudahan logistik, pengeluaran dan pasaran. Dengan anggaran jumlah penduduk sekitar Lembah Kelang yang mencecah hampir 1.3 juta orang kami yakin ia merupakan suatu pelaburan yang amat menguntungkan bagi jangka masa panjang. Kawasan tapak tanaman adalah 30 km daripada pusat bandar Lembah Klang dan ia memakan masa lebih kurang 30 minit. Berdasarkan lokasi perniagaan yang terletak di tepi lebuh raya, disokong dengan pembangunan infrastruktur seperti bekalan air, elektrik serta lokasi geografi yang amat sesuai maka kesemua faktor di atas telah menyakinkan kami terhadap permintaan atau pasaran bagi tawaran niaga ini.

Waktu perniagaan ditubuhkan

Kami telah memilih untuk memulakan perniagaan pada tahun 2005. Ini kerana kami menjangkakan keadaan ekonomi akan pulih menjelang tahun 2003. Selain dari itu, kami juga menjangkakan akan mempunyai kedudukan kewangan dan pengalaman yang kukuh dan mencukupi bagi memulakan perniagaan. Keadaan pengguna dan kesedaran masyarakat tentang pentingnya mendapatkan makanan yang selamat juga merupakan strategi pasaran yang amat diutamakan bagi mendapat bahagian dan saiz pasaran yang tinggi. Dengan pelbagai projek pembangunan seperti perumahan yang berkembang pesat disekitar kawasan lembah klang, menjelang tahun 2003 pertambahan penduduk ini akan mengukuhkan lagi pasaran dan permintaan terhadap sayuran organik.

Tren Pasaran

Disini kami mendapati permintaan terhadap pasaran sayuran berasaskan tanaman organik adalah menggalakkan. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pihak kami, kami mendapati bahawa sumbangan permintaan dalam negeri khususnya dikawasan lembah kelang yang purata pendapatan perkapitanya melebihi RM5,000.00 adalah amat menggalakkan. Tinjauan di beberapa pasaraya yang menjual sayuran berasaskan bahan organik seperti di Isetan, Subang Prade dan Taman Tun Dr. Ismail menunjukkan walaupun pada masa ini pembekalan sayuran tersebut adalah terhad, didapati jumlah dan faktor masa yang diambil untuk sayuran habis dijual adalah begitu singkat. Maka kami merasakan perniagaan ini berupaya memberikan permintaan dan pulangan yang berpotensi tinggi serta mampu bertahan dan berkembang walaupun terpaksa berhadapan dengan para pesaing.

Di antara sasaran pelanggan yang kami telah kenalpasti ialah pasaraya-pasaraya utama di lembah klang yang menjadi tumpuan utama golongan sederhana dan elite yang telah mempunyai kesedaran tentang kepentingan makanan yang selamat. Begitu juga dengan permintaan dari hospital-hospital serta pusat- pusat rawatan yang memerlukan makanan yang bebas dari bahan kimia untuk kegunaan pesakit, disamping itu juga permintaan dari syarikat-syarikat pembekal ubat-ubatan adalah golongan-golongan yang amat memerlukan bahan tanaman sebagai bahan mentah yang bebas dari bahan kimia untuk ubat-ubatan mereka.

Secara keseluruhanya, permintaan terhadap sayuran organik ini adalah pada tahap menggalakkan dan memuaskan. Melalui ramalan jualan yang telah disediakan juga menunjukkan suatu jumlah yang sememangnya tinggi. Insyaa Allah kami akan cuba bertahan dan seterusnya mengukuhkan kedudukan kami dibidang perniagaan.